

Mahathir seru Arab terus sokong Arafat

(P) U. 20 JUL 1994
PULAU PINANG 19 Julai
— Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyeru dunia Arab terus menyokong Yasser Arafat kerana Israel kini sedang berusaha untuk mengurangkan sokongan negara-negara lain kepada Presiden PLO itu.

Kata Perdana Menteri, jika penyokong Arafat dari kalangan negara Arab tidak menyokong Arafat, usaha Israel untuk memperkecilkan kredibiliti Arafat akan berjaya.

“Oleh itu saya berpendapat, mereka yang menyokong Arafat mestilah terus menyokong pemimpin PLO itu dan Malaysia

akan terus menyokong Arafat,” jelasnya.

Beliau berkata demikian kepada para pemberita selepas merasmikan bangunan baru Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang di Bayan Lepas petang ini.

Ditanya apakah sikap dingin Malaysia dalam usaha untuk menjalinkan hubungan dengan Israel akan merugikan negara dalam soal dagangan dan sebagainya sedangkan kebanyakan negara ASEAN sedang berusaha memulihkan hubungan, Dr. Mahathir berkata, kemungkinan tersebut memang ada tetapi masih ba-

nyak negara lagi yang Malaysia boleh berurusan.

Kepada soalan apakah kerajaan sudah membuat pendirian mengenai kedudukan bekas Timbalan Perdana Menteri Kemboja Putera Norodom Chakrapong yang melarikan diri ke Malaysia, Dr. Mahathir berkata, kalau boleh kerajaan mahu beliau meninggalkan negara ini secepat mungkin.

Ditanya, bilakah Perdana Menteri Kemboja akan datang ke sini Dr. Mahathir berkata, kerajaan akan tentukan kedua-dua Perdana Menteri negara Indo-China itu akan datang bersama.